

AKTA SYARIKAT 2016

GARIS PANDUAN BERHUBUNG KELULUSAN BAHARU DAN PEMBAHARUAN KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

GARIS PANDUAN BERHUBUNG KELULUSAN BAHARU DAN PEMBAHARUAN KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan menjelaskan punca kuasa di bawah Seksyen 263 (5) Akta Syarikat 2016 serta kaedah pelaksanaan kelulusan baharu dan pembaharuan kelulusan Juruaudit Syarikat.

2. PENURUNAN KUASA MENTERI KEWANGAN

YB Menteri Kewangan II melalui surat bilangan 0.6474 JLD 15(SK1)(7) bertarikh 28 April 2017 telah bersetuju mewakilkan kuasa berkuatkuasa serta-merta mengenai kelulusan Juruaudit Syarikat di bawah Seksyen 263(5) Akta Syarikat 2016 kepada Akauntan Negara Malaysia.

3. PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

3.1 Kelulusan sebagai Juruaudit Syarikat adalah tertakluk di bawah Seksyen 263 Akta Syarikat 2016 iaitu:-

“Menteri boleh, jika dia berpuas hati bahawa pemohon mempunyai watak baik dan berwibawa untuk melaksanakan kewajipan seorang juruaudit di bawah Akta ini, apabila fi yang ditetapkan dibayar, meluluskan pemohon itu sebagai juruaudit syarikat.”

3.2 Apa-apa kelulusan yang diberikan oleh Menteri Kewangan boleh dibuat tertakluk kepada apa-apa batasan atau syarat yang difikirkannya patut dan boleh dibatalkan pada bila-bila masa olehnya melalui penyampaian suatu notis pembatalan kepada orang yang diluluskan itu menurut Seksyen 263(3) Akta Syarikat 2016;

3.3 Tiap-tiap kelulusan di bawah seksyen ini termasuklah pembaharuan kelulusan juruaudit syarikat hendaklah berkuat kuasa bagi tempoh selama dua (2) tahun selepas tarikh pengeluarannya melainkan jika dibatalkan terlebih dahulu oleh Menteri menurut Seksyen 263(4) Akta Syarikat 2016; dan

3.4 Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Menteri atau dengan keputusan mana-mana orang atau kumpulan orang kepadanya Menteri telah mewakilkan semua atau mana-mana kuasanya di bawah seksyen ini boleh merayu kepada Mahkamah menurut Seksyen 263(6) Akta Syarikat 2016.

4. KEANGGOTAAN JAWATANKUASA

Dua (2) Jawatankuasa telah ditubuhkan bagi menjalankan kuasa di bawah Seksyen 263 Akta Syarikat 2016 iaitu:

- a) Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat
- b) Jawatankuasa Pengawas Juruaudit Syarikat

4.1 JAWATANKUASA KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

Keanggotaan Ahli Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat terdiri daripada:-

- i. Akauntan Negara Malaysia atau wakil - **Pengerusi**
- ii. Wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- iii. Wakil Institut Akauntan Malaysia (MIA)
- iv. Wakil Suruhanjaya Sekuriti (SC)
- v. Wakil Bank Negara Malaysia (BNM)

Urus setia jawatankuasa ini adalah Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM.

4.1.1 Bidang kuasa Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat:-

- i) memastikan calon memenuhi kriteria **watak baik (good character)** dan **kompeten (competent)** sebelum diberikan kelulusan sebagai Juruaudit Syarikat;
- ii) menilai dan membuat keputusan terhadap calon yang berkelayakan melalui sesi temu duga; dan
- iii) menimbangkan tempoh menunggu untuk temuduga semula bagi calon-calon yang gagal.

4.2 JAWATANKUASA PENGAWAS JURUAUDIT SYARIKAT

Keanggotaan Ahli Jawatankuasa Pengawas Juruaudit Syarikat terdiri daripada:-

- i. Timbalan Akauntan Negara (Korporat) - **Pengerusi**
- ii. Pengarah Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
- iii. Wakil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- iv. Wakil Institut Akauntan Malaysia (MIA)*
- v. Wakil Suruhanjaya Sekuriti (SC)
- vi. Wakil Bank Negara Malaysia (BNM)
- vii. Pegawai Undang-Undang, Perbendaharaan Malaysia

* Institut Akauntan Malaysia hendaklah diwakili oleh Pendaftar atau Ketua Pegawai Eksekutif (CEO).

Urus setia jawatankuasa ini adalah Unit Kawal Selia Juruaudit dan Penyelesai Syarikat, Seksyen Pembangunan dan Pengurusan Strategik, Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan, JANM.

4.2.1 Bidang kuasa Jawatankuasa Pengawas:-

- i) menentukan dasar-dasar mengenai kelulusan baharu dan pembaharuan kelulusan Juruaudit Syarikat;

- ii) menimbang dan membuat keputusan mengenai laporan aduan dan kes-kes yang dikemukakan terhadap Juruaudit Syarikat; dan
- iii) membuat perakuan sama ada menarik balik, mengekalkan atau memperbaharui kelulusan seseorang Juruaudit Syarikat.

5. PERMOHONAN KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

5.1 SYARAT DAN KELAYAKAN BAGI PERMOHONAN KELULUSAN BAHARU JURUAUDIT SYARIKAT DI BAWAH SEKSYEN 263(1) AKTA SYARIKAT 2016

- a) Telah lulus mana-mana peperiksaan akhir berdasarkan Bahagian I, Jadual 1, Akta Akauntan 1967; **ATAU**

Telah menjadi ahli mana-mana badan profesional seperti di Bahagian II, Jadual 1, Akta Akauntan 1967;
- b) Menjadi ahli MIA bertaraf “Akauntan Bertauliah”;
- c) Mempunyai Sijil Amalan (*Practising Certificate*) yang sah daripada MIA;
- d) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja terkumpul secara sepenuh masa termasuk sebelum dan selepas menjadi ahli MIA, iaitu:
 - i. sekurang-kurangnya satu (1) tahun selepas menjadi ahli MIA;
 - ii. sekurang-kurangnya tiga (3) tahun daripada lima (5) tahun pengalaman kerja dalam amalan audit; dan
 - iii. sekurang-kurangnya satu (1) tahun amalan audit (daripada tiga (3) tahun di atas) hendaklah berperanan sebagai Penyelia Audit. Penyelia Audit bermaksud menyelia, mengurus dan mengawal proses auditan termasuk penyediaan laporan kewangan dan perancangan audit.
- e) Pemohon kali pertama disyaratkan untuk menghadiri *Public Practice Programme* yang dianjurkan oleh MIA dan sijil kehadiran tersebut hendaklah belum tamat tempoh semasa permohonan dibuat;
- f) Pemohon yang mempunyai pengalaman audit di firma audit luar negara juga boleh dipertimbangkan dengan syarat pemohon telah menjalankan amalan audit sekurang-kurangnya satu (1) tahun di dalam persekitaran Malaysia secara sepenuh masa;
- g) Pemohon yang mempunyai pengalaman dalam bidang pengauditan tetapi tidak lagi terlibat dalam amalan audit masih layak memohon jika dia:
 - i. Meninggalkan amalan audit dalam tempoh tidak lebih tiga (3) tahun dari tarikh permohonan; atau

- ii. Meninggalkan amalan audit lebih dari tiga (3) tahun tetapi mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman kerja dalam amalan audit di dalam persekitaran Malaysia sebelum mengemukakan permohonan baharu.

5.2 TEMU DUGA

- a) Calon temuduga dinilai kompetensinya oleh Ahli Jawatankuasa Kelulusan Juruaudit Syarikat terhadap aspek berikut:-

Bil	Panel Temuduga	Modul / Aspek Penilaian
1.	MIA	MIA By-Laws, Akta Akauntan 1967 dan Standard Pengauditan dan Pelaporan Kewangan.
2.	SSM	Akta Syarikat 2016.
3.	SC	Akta Industri Sekuriti dan Pasaran Modal.
4.	BNM	AuditPerbankandan Peraturan Kewangan.

- b) Semasa temuduga dijalankan, setiap Ahli Jawatankuasa diberi tempoh antara 10 hingga 15 minit kepada setiap calon untuk ditemuduga;
- c) Calon hendaklah memperolehi markah sekurang-kurangnya 60% (minima) bagi setiap panel untuk lulus temuduga;
- d) Bagi calon yang hanya gagal satu modul, calon berkenaan perlu mengulangi temuduga modul yang gagal sahaja dengan syarat markah yang diperolehi **tidak kurang daripada 50%** dan tempoh menunggu untuk temuduga berikutnya adalah selama **tiga (3) bulan**;
- e) Bagi calon yang hanya gagal satu modul, tetapi markah yang diperolehi **kurang daripada 50%**, calon berkenaan perlu mengulangi keseluruhan modul dan tempoh menunggu minimum untuk temuduga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**;
- f) Calon yang gagal **dua (2) modul dan ke atas** perlu mengulangi keseluruhan modul dan tempoh menunggu minimum untuk temuduga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**; dan
- g) Bagi calon yang gagal kali kedua bagi para 5.2(d), calon berkenaan perlu mengulangi keseluruhan modul dan tempoh menunggu untuk temuduga berikutnya adalah selama **enam (6) bulan**.

5.3 SKEMA PEMARKAHAN UNTUK KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

Bil	Skema Pemarkahan	Keputusan	Tempoh Tangguh	Catatan
1.	Lulus (Markah >60% bagi setiap modul)	Lulus	Tidak berkaitan	Perlu lulus modul dari semua panel temuduga
2.	Gagal 1 modul - Markah marginal (50% - 59%)	Gagal	3 bulan	Menduduki semula modul yang gagal. Wajib lulus temuduga berikutnya, jika gagal, perlu menduduki semula semua modul temuduga.
	- Markah <50%	Gagal	6 bulan	Perlu menduduki semula semua modul temuduga.
3.	Gagal 2 modul dan ke atas (Markah <60% bagi setiap modul)	Gagal	6 bulan	Perlu menduduki semula semua modul temuduga.

5.4 KELULUSAN SECARA PRINSIP SEBAGAI JURUAUDIT SYARIKAT

- a) Pemohon yang diluluskan dikehendaki membuka firma audit dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh Surat Kelulusan, atau kelulusan tersebut akan terbatal jika gagal berbuat demikian;
- b) Sekiranya pemohon bercadang untuk menjadi rakan kongsi bagi mana-mana firma audit, beliau perlulah berbuat demikian dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh Surat Kelulusan; dan
- c) Pemohon yang diluluskan juga perlu mengemukakan satu (1) salinan borang di bawah Seksyen 265 (4) Akta Syarikat 2016 yang diperakui oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia sebelum mendapatkan sijil kelulusan Juruaudit Syarikat.

5.5 BAYARAN DAN TEMPOH KELULUSAN

- a) Bayaran fi kelulusan Juruaudit Syarikat sebanyak RM500 dibuat secara elektronik (*e-payment*) melalui sistem BLESS.
- b) Kelulusan adalah untuk tempoh dua (2) tahun sahaja melainkan jika dibatalkan lebih awal (Seksyen 263 (4) Akta Syarikat 2016).

6. PEMBAHARUAN KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

6.1 SYARAT DAN KELAYAKAN PERMOHONAN PEMBAHARUAN KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

- a) Permohonan pembaharuan kelulusan perlu dikemukakan tiga (3) bulan sebelum tamat tempoh kelulusan melalui sistem BLESS (<http://www.bless.gov.my/bless>) dan dimuat naik bersama dengan dokumen berikut:
 - i. Akuan Berkanun yang ditandatangani oleh Pesuruhajaya Sumpah;
 - ii. Salinan resit yuran tahunan keahlian MIA; dan
 - iii. Salinan resit pembaharuan sijil amalan MIA yang terkini.
- b) Pemohon dikehendaki mematuhi **syarat khusus** yang ditetapkan oleh agensi yang berkaitan¹ dan agensi perlu menyokong permohonan pembaharuan.
- c) Permohonan pembaharuan yang lewat dikemukakan dalam tempoh satu (1) tahun akan mengakibatkan tempoh kelulusan tidak bersambung dan akan diberikan tarikh kelulusan yang baharu.
- d) Pemohon yang mengemukakan permohonan pembaharuan selepas satu (1) tahun tamat tempoh kelulusan terdahulu perlu menjalani sesi temu duga semula.
- e) Sekiranya permohonan pembaharuan gagal dikemukakan dalam tempoh satu (1) tahun selepas tamat tempoh kelulusan, pemohon dikehendaki untuk mengemukakan permohonan kelulusan baharu Juruaudit Syarikat melalui sistem BLESS.

6.2 BAYARAN DAN TEMPOH KELULUSAN

- a) Bayaran fi pembaharuan kelulusan Juruaudit Syarikat sebanyak RM500 dibuat secara elektronik (*e-payment*) melalui sistem BLESS;
- b) Pembaharuan kelulusan Juruaudit Syarikat adalah bagi tempoh dua (2) tahun sahaja melainkan jika dibatalkan lebih awal (Seksyen 263 (4) Akta Syarikat 2016); dan
- c) Proses pembaharuan kelulusan Juruaudit Syarikat dianggarkan mengambil masa dalam tempoh tidak lebih tiga (3) bulan.

6.3 SOKONGAN PEMBAHARUAN DARIPADA SSM,SC DAN MIA

- a) Permohonan pembaharuan kelulusan juruaudit perlu mendapat sokongan daripada SSM, MIA dan SC;

¹ Agensi berkaitan bermaksud Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC).

- b) Sekiranya salah satu agensi sama ada SSM, MIA, atau SC tidak menyokong pembaharuan tersebut, ianya dibawa kepada Jawatankuasa Pengawas Juruaudit Syarikat; dan
- c) Jawatankuasa Pengawas perlu mempertimbangkan kes yang dirujuk dan sekiranya kelulusan seseorang Juruaudit Syarikat itu tidak diperakui untuk diperbaharui, ianya dibawa kepada Akauntan Negara Malaysia untuk pertimbangan dan keputusan selanjutnya.

7. PROSEDUR BAGI MEMBATALKAN / MENARIK BALIK KELULUSAN JURUAUDIT SYARIKAT

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Pengawas Juruaudit Syarikat akan memutuskan untuk memberikan surat tunjuk sebab kepada Juruaudit;
- b) JANM menulis surat tunjuk sebab kepada Juruaudit untuk mengemukakan maklum balas dalam tempoh 30 hari mengapa kelulusan Juruaudit Syarikat tidak boleh ditarik balik / dibatalkan;
- c) JANM menerima ulasan daripada Juruaudit dan perlu diangkat semula ke Jawatankuasa Pengawas Juruaudit Syarikat. Jika tidak menerima ulasan daripada Juruaudit, Jawatankuasa Pengawas berhak untuk membatalkan / menarik balik kelulusan Juruaudit Syarikat;
- d) Sekiranya keputusan mesyuarat adalah untuk menarik balik kelulusan, urus setia akan menyediakan memorandum kepada Akauntan Negara Malaysia bagi menarik balik kelulusan dan memaklumkan kepada Menteri Kewangan;
- e) Akauntan Negara Malaysia melalui perwakilan kuasa di bawah Seksyen 263(5) Akta Syarikat 2016 berhak untuk menarik balik kelulusan sekiranya seseorang itu tidak kompeten dan berkelayakan dalam menjalankan kerja-kerja audit selaras dengan Seksyen 263(3) Akta Syarikat 2016;
- f) Setelah menerima keputusan daripada Akauntan Negara Malaysia, surat keputusan tarik balik / batal kelulusan dihantar kepada Juruaudit; dan
- g) Bagi Juruaudit yang tidak berpuas hati dengan keputusan Akauntan Negara Malaysia, rayuan boleh dibuat kepada mahkamah selaras dengan Seksyen 263(6) Akta Syarikat 2016.

8. TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini telah diluluskan oleh Akauntan Negara Malaysia [No. Ruj.: ANM(T)81/42/33 Jld 3 (25)] pada 15 Jun 2017.

Nota : Peraturan-Peraturan Syarikat (Fi Juruaudit Syarikat dan Penyelesai) 2020 telah dikuatkuasakan mulai 15 Januari 2020. [KPDNKK 600-1/2/58;PN(PU2)740/III]